

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 18 MEI 2016

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan pernah menjalankan kajian terhadap pengangguran tersembunyi di masyarakat kampung luar bandar.

JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) setiap bulan melalui pendekatan isi rumah bagi mendapatkan petunjuk berkaitan struktur tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di peringkat nasional. Penyiasatan ini dijalankan menggunakan kaedah temu ramah bersemuka meliputi warganegara dan bukan warganegara di kawasan bandar dan luar bandar setiap negeri di Malaysia.

Bagi memastikan perbandingan di peringkat antarabangsa, penyiasatan ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh *International Labour Organisation* (ILO) yang diguna pakai oleh agensi statistik di kebanyakan negara. PTB menggunakan pendekatan **taraf sebenar** yang mana seseorang itu dikelaskan berasaskan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa tempoh rujukan yang pendek iaitu minggu rujukan (7 hari).

Penganggur ditakrifkan sebagai mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif. **Penganggur aktif** adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut. **Penganggur tidak aktif** adalah mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan.

Sekian, terima kasih.